


BATA

M E R A H



Varsity Crew
EDISI
3.0



JULAI - SEPTEMBER

2023

FESTIVAL BUDAYA JEPUN
UKM MATSURI 2023

MAJLIS PRA-GRADUASI
PENCETUS SEMANGAT
BATA MERAH

MERDEKA@FSSK
PERPADUAN SEBENAR
TERLETAK PADA HATI

Festival
Budaya Jepun

03



Majlis Pra-Graduasi FSSK 2023

06



APC FSSK 2023

10



Hari Puisi Melayu

08



Pensyarah OKU

12



Isi Kandungan

Bata Merah Edisi 3/2023 | JULAI - SEPTEMBER

Merdeka@FSSK

15



Seminar
Kebangsaan

18



UKM x MPOGCF

20



Bintang FSSK

22



Festival
Budaya Jepun

03



Festival Budaya Jepun

UKM MATSURI 2023

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) telah menganjurkan festival budaya Jepun "UKM Matsuri 2023" yang penuh dengan pengisian aktiviti bagi merancakkan perkongsian budaya Jepun dalam kalangan warga FSSK. Selain mempromosi budaya, ilmu dan nilai-nilai bermanfaat dari negara Jepun, festival ini juga mengumpul dan meraikan rakan-rakan kolaborasi FSSK seperti Japan International Cooperation Agency (JICA), Japan Foundation Kuala Lumpur (JJKL), The Japanese Language Society of Malaysia (JLSM), Alumni Look East Policy Society (ALEPS), Cakap Jepun, Penerbit Pelangi, e-Sentral serta Little Caliph.

UKM Matsuri 2023 merupakan anjuran kali ketiga di FSSK dan telah ditaja sepenuhnya oleh Japan International Cooperation Agency (JICA) untuk memberi pendedahan kepada warga FSSK dan UKM berkenaan budaya Jepun dalam aspek hiburan seperti lagu Jepun, *anime* dan *cosplay*, kraftangan tradisional seperti origami dan kaligrafi, *hashi oki*, pemakaian kimono serta yukata.

Festival ini juga turut meraikan kejayaan penyelidik-penyalidik FSSK khususnya daripada Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik (PKBL) dalam memperoleh dana penyelidikan dan kerjasama inovasi seperti Japanese Language Learning Material Application (Inovasi-2022-008) untuk menghasilkan bahan pengajaran beserta laman web interaktif untuk pendidikan bahasa Jepun. Dana ini merupakan kerjasama antara FSSK, Penerbit Pelangi dan e-Sentral. Geran ini diketuai oleh Puan Aznur Aisyah Abdullah, dan ahli penyelidik terdiri daripada Dr. Normalis Amzah, Prof Madya Dr. Mohamed Zain Sulaiman dan Ts. Dr. Lam Meng Chun.





SENARAI GERAN-GERAN PENYELIDIKAN FSSK DARIPADA JEPUN :

Geran Japan Foundation yang bertajuk *Japanese for Specialist (Academic & Culture)* merupakan dana untuk dua bulan ke Japan Foundation Osaka (Jan - Mac 2024) berjaya diperolehi oleh Puan Aznur Aisyah setelah melalui sesi saringan yang ketat dan beliau merupakan satu-satunya wakil dari Malaysia semenjak tiga tahun yang lepas;

Geran Japanese Studies Fellowship Programme diperolehi oleh Dr. Mohd Ikbal Mohd Huda untuk menjadi pensyarah pelawat ke Soka University, Japan di bawah Jabatan Malaysian Studies.

Geran Sumitomo 2023 *Intercultural Communication between MMEA and JAC staff*. Penyelidikan yang meneroka aspek silang budaya antara petugas-petugas keselamatan Malaysia Maritime Enforcement Agency (MMEA) dan Japan Coast Guard (JCG). Diketuai oleh Dr. Normalis Amzah, dan kumpulan penyelidik terdiri daripada Puan Fuzirah Hashim, Dr Mohd Ikbal Mohd Huda dan Dr Roswati Abdul Rashid (UMT).

Small Grant Programme 2022 daripada the Japan Foundation Kuala Lumpur (JKKL) untuk penyelidikan dan menghasilkan bahan pengajaran bahasa Jepun peringkat pertengahan. Geran diketuai oleh Dr Normalis Amzah dan Puan Aznur Aisyah selaku penyelidik bersama.

Toshiba Foundation 2022 bertajuk *Developing a Japanese Business Communication Module for Workplace Communication in Japanese Companies for Malaysians*. Ahli kumpulan terdiri daripada Prof Madya Dr Nor Fariza Mohd Nor, Puan Aznur Aisyah Abdullah dan Dr Azianura Hani Shaari.

Japan Foundation Native Speaker's Teaching Assistant Grant 2020-2022 merupakan dana yang membantu para pengajar bahasa Jepun untuk mengajar serta menjalankan penyelidikan berkaitan pendidikan bahasa Jepun di UKM dan di Malaysia secara amnya dan diketuai oleh Puan Aznur Aisyah Abdullah, Dr Normalis Amzah dan Prof. Hazita Aman.

Geran Sumitomo 2020 bertajuk *an Augmented Reality Module on Japanese Hygiene Practice Among Preschool Children* merupakan kolaborasi di antara FTSM and FSSK, Little Caliphs dan JAIST.

Geran Sumitomo 2021 (KK2021-006) bertajuk *Analysis of philosophical thinking, core values, and wisdom dissemination through iinarawashii used by Japanese expatriates to the local employees in Malaysia*. Projek ini merupakan kolaborasi dengan FKAB dan menjalankan penyelidikan *iinarawashii* atau kata-kata bijak pandai yang digunakan oleh para ekspatriat Jepun di Malaysia ketika menyampaikan ilmu dan nilai kepada rakan sejawatan atau sebidang di Malaysia. Ahli penyelidik terdiri daripada Dr Normalis Amzah dan diketuai oleh Prof Madya Dr Nazrul Anuar Nayan (FKAB).

Majlis Pra-Graduasi FSSK 2023

06



Majlis Pra-Graduasi FSSK 2023

PENCETUS SEMANGAT BATA MERAH

Buat julung-julung kalinya Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM telah menganjurkan majlis untuk meraikan pelajar Tahun 3 yang bakal bergraduasi. Program sulung anjuran Sekretariat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FSSK ini mengumpulkan pelajar Tahun 3 bagi menghargai dan berterima kasih kepada mereka kerana telah memilih fakulti ini sebagai pilihan untuk melanjutkan pelajaran.

Warga pendidik FSSK komited dalam meraikan dan memberi penghargaan kepada semua bakal graduan kerana kegigihan mereka semua dalam menjalani tanggugjawab sebagai pelajar dengan penuh amanah dan dedikasi hingga mampu berada di peringkat ini. Majlis ini juga disusun atur untuk dijadikan sebagai perangsang atau pencetus kepada pelajar-pelajar untuk mencapai kejayaan dalam segala bidang yang bakal diceburi setelah bergraduasi kelak. Malah diharapkan ia mampu mengukir kenangan manis dan mencatat nostalgia penuh bermakna dalam lipatan sejarah semua bakal graduan FSSK.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Alumni FSSK, Encik Arvend Applasamy sebagai tetamu jemputan untuk memberikan sedikit pengisian kepada pelajar-pelajar sebagai seorang alumni FSSK. Selain itu, pempengaruh dalam bidang kewangan, Encik Ahmad Faiz Azmi turut serta untuk memberikan tips dan pendapat dari aspek pengurusan kewangan. Sebagai pencetus semangat Bata Merah, bakal graduan FSSK sentiasa diingatkan untuk membawa nama baik universiti dalam melakar kejayaan dan kembali menabur bakti di universiti watan ini seperti dalam program perkongsian ilmu dan pengalaman, kemahiran dan kepakaran selain membantu melestarikan sumber kewangan fakulti dalam meneruskan kegemilangan akademik FSSK.

Pihak fakulti juga merakamkan penghargaan khas kepada semua staf akademik yang telah bertungkus lumus menabur bakti, penghargaan istimewa kepada seluruh warga pengurusan, profesional dan pelaksana yang juga telah memberikan yang terbaik bagi memastikan warga FSSK mencapai segala perancangan yang telah dibuat. Warga FSSK sentiasa optimis dalam mencerahkan ilmu-ilmu asas bagi membolehkan para graduan memulakan kehidupan di alam sebenar. Semoga majlis sebegini menjadi pencetus semangat Bata Merah!



Puisi Melayu

08



Hari Puisi Melayu

WADAH KEBITARAAN BANGSA

Sebagai penghormatan kepada warisan puisi Melayu yang begitu kaya dan beragam, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu (BITARA-MELAYU) telah mengadakan Hari Puisi Melayu (HPM) 2023 yang merupakan acara tahunan sejak 2004 di fakulti ini.

Bertemakan, 'Puisi Melayu Wadah Kebitaraan Bangsa', kebitaraan bangsa Melayu itu dapat dikesan melalui lirik-lirik dan bait puisi yang digubah indah oleh pujangga silam, para seniman dan juga penyair-penyair tanah air pada masa kini. Puisi Melayu telah menjadi saksi kepada kekuatan kata-kata yang mampu menggugah perasaan dan memberi suara kepada kehidupan masyarakat kita. Melaluianya, kita menemui pelbagai elemen yang menyentuh persoalan-persoalan berlainan seperti bicara ketulusan hati, kerinduan kepada tanah air, cinta kepada sesama manusia dan pekerti mulia yang terkandung dalam nilai-nilai kebudayaan kita.

Penganjuran program Hari Puisi Melayu 2023 amat penting bagi kita semua untuk mengekalkan puisi Melayu sebagai salah satu rujukan sumber intelek yang signifikan dalam kehidupan seharian dan sebuah kesenian yang hebat. Tahniah diucapkan juga kepada warga FSSK dan kakitangan akademik yang terlibat dalam menyampaikan puisi serta ahli jawatankuasa yang menjayakan program ini.



APC FSSK 2022

10



Warga FSSK

SEMARAK KECEMERLANGAN
PERKHIDMATAN

Tahniah diucapkan kepada warga FSSK yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022.

Bagi mendokong aspirasi universiti watan, FSSK sentiasa berusaha dalam memperkasa sumber manusia warga fakulti untuk memacu kejayaan berterusan yang mengambil kira kecemerlangan modal insan, kebajikan warga UKM dan penyampaian perkhidmatan berkesan melalui rencana Pelan Strategik yang menggariskan teras pengukuhan halatuju FSSK.

Semoga pengiktirafan yang diberikan akan memberi suntikan semangat kepada seluruh warga FSSK untuk menabur bakti kepada fakulti dan universiti. Tahniah kepada semua penerima atas kesetiaan dan perkhidmatan bagi menjulang semarak kecemerlangan.



KAKITANGAN AKADEMIK:

Dr. Suzana Binti Mohd Hoesni
Dr. Noremy Binti Md Akhir
Prof. Ts. Dr. Kadir Bin Arifin
Encik Muhsin Norizam Bin Jamian
Dr. Azlina Binti Abdullah
Prof. Madya Dr. Zaini Bin Sakawi
Dr. Suffian Bin Mansor
Dr. Hasrul Hashim
Dr. Azhar Bin Jaludin
Prof Madya Dr. Abdul Latiff Bin Ahmad

PENGURUSAN FSSK:

Puan Najwa Binti Ahmad Zawawi
Puan Rohana Binti Amiruddin
Encik Mohamad Affandi Bin Idrus
Cik Atikah Binti Ishak
Puan Nur Hidayah Binti Othman
Puan Nur Syafawati Binti Mohd Kahar
Puan Norrihan Binti Rahim
Encik Muhammad Nabil Najmi Bin Razali
Puan Azidawatie Binti Ahmad Azni
Encik Fazil Bin Mohd Ali Hanapiyah

ANUGERAH PERKHIDMATAN 20 TAHUN:

Prof. Madya Dr. Suraiya Binti Ishak
Prof. Madya Dr. Nor Ba'yah Binti Abdul Kadir
Prof. Madya Dr. Rosniza Aznie Binti Che Rose
Dr. Suzana Binti Mohd Hoesni
Dr. Mimi Hanida Binti Abdul Mutalib
Dr. Al-amril Othman
Encik Mohd Nashrique Bin Hamid
Muhamad Hafiz Bin Ismail
Puan Norehan Binti Jamaluddin

ANUGERAH PERKHIDMATAN 30 TAHUN:

Prof. Dr. Sity Binti Daud
Encik Ishak Bin Selamat

ANUGERAH PERKHIDMATAN 40 TAHUN:

Encik Fauzi Bin Mohd Zain

UKM Iktiraf Pensyarah OKU

12



UKM Iktiraf

PENSYARAH OKU

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengiktiraf seorang pensyarah orang kurang upaya (OKU) penglihatan pada majlis Penghargaan Anugerah Perkhidmatan 2023, hari ini. Dr Al-Amril Othman yang juga merupakan pensyarah Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan menerima Anugerah Perkhidmatan 20 Tahun. Beliau mula berkhidmat di UKM sebagai tutor pada tahun 1995 dan dinaikkan pangkat ke jawatan pensyarah sementara pada tahun 2007. Beliau dilantik sebagai pensyarah kanan setelah menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) selama 12 tahun, pada tahun 2018. Beliau merakamkan penghargaan kepada UKM di atas pengiktirafan tersebut dan menyifatkan kekurangan fizikal bukanlah penghalang kepada diri untuk memberi perkhidmatan yang terbaik.

Naib Canselor, Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj Toriman berkata UKM sentiasa berusaha untuk memacu kejayaan berterusan yang mengambil kira kecemerlangan modal insan, kebajikan warga UKM dan penyampaian perkhidmatan berkesan. Baru-baru ini, UKM telah dianugerahkan sebagai Majikan Prihatin Peringkat Badan Berkanun Tahun 2023, jelasnya.

"Pelbagai inisiatif telah diambil bagi menjamin kecemerlangan modal insan dan kesejahteraan semua warga UKM. Kejayaan UKM pada hari ini adalah sumbangan semua warga yang bergandingan menabur bakti menyulam budi. Sesungguhnya warga UKM adalah tulang belakang yang menjadi teras kepada kejayaan universiti ini dalam menjayakan agenda meletakkan universiti ini pada kedudukan yang tinggi di persada antarabangsa," katanya.

Majlis kali ini meraikan 794 warga UKM yang membabitkan 453 penerima Anugerah Perkhidmatan Kecemerlangan Perkhidmatan; Anugerah Perkhidmatan 20 Tahun (280); penerima Anugerah Perkhidmatan 30 Tahun (52) serta sembilan penerima Anugerah Perkhidmatan 40 Tahun.

"Saya berterima kasih kepada UKM di atas sokongan dan kepercayaan kepada saya sehingga mencapai tahap ini. Atas kepercayaan tersebut, saya mampu memberi sumbangan kepada universiti ini. Saya melihat banyak peningkatan UKM dari segi fasiliti, motivasi dan kursus-kursus untuk memperkasa golongan OKU,"

Dr. Al-Amril Othman



Anugerah

Bitara UKM 2023

FSSK :

Anugerah Bitara Pendanaan (Kategori PTJ)

Prof. Madya Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin :

Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia (PsiTRA)
atas kejayaan menerima Anugerah Bitara Bahasa Melayu
(Kategori Akademia Bahasa Melayu).


Puan Aznur Aisyah Abdullah:

Pusat Kajian Bahasa & Linguistik (PKBL)
atas kejayaan menerima Anugerah Bitara Pengkomersilan Produk.

Dr. Zubir Idris:

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu
(BITARA-MELAYU) atas kejayaan menerima
Anugerah Bitara Seni dan Kreativiti (Kategori Penulisan Kreatif).





Merdeka@FSSK


PERPADUAN SEBENAR KITA TERLETAK PADA HATI

15



FSSK menyambut baik hasrat Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Toriman menyeru seluruh warga UKM untuk mengambil peluang dan ruang mendalami erti sebenar kemerdekaan agar semangat patriotisme dan cintakan tanah air dapat disemarakkan dalam diri masing-masing. Seluruh warga FSSK termasuk kakitangan akademik dan pengurusan bersatu padu dalam menyemarakkan semangat perpaduan dengan menghias fakulti sebagai simbolik perpaduan dan memupuk warga FSSK untuk menjadi generasi penerus bangsa yang punya rasa cinta pada tanah air.

Warga FSSK yang berkongsi semangat kemerdekaan, tidak kira apa warna kulit, bangsa, keturunan, mahupun agama, dapat menzahir dan membuktikan kesyukuran terhadap nikmat kemerdekaan yang kita kecapi hari ini. Sesungguhnya kemerdekaan adalah sebuah anugerah yang besar lagi tidak ternilai. Bersamalah kita berdiri, bangkit dengan hati yang ikhlas dan tekad yang diperbaharui, memandangkan masa depan dengan jiwa yang gagah serta merdeka dalam satu solidariti, senada seirama, sehati sejiwa dan ayuh kita semarakkan tekad memakmurkan negara tercinta.



Seminar Dasar Gaji Minimum

18



Seminar Kebangsaan

Dasar Gaji Minimum ke arah Gaji Progresif
dan Ekonomi Madani

Perbincangan lanjut antara kerajaan, kesatuan pekerja dan majikan berikutan isu gaji progresif perlu diadakan untuk memastikan rangka kerja dasar gaji progresif lebih mapan dan memberi impak kepada ekonomi negara. Susulan tersebut, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dengan kerjasama Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) telah menganjurkan seminar bagi membincangkan ketersediaan semua pihak dalam membincangkan model serta mekanisma terbaik bagi pelaksanaan gaji progresif.

Dasar Gaji Progresif yang sedang dibangunkan ini adalah beracuan Malaysia mengikut komponen Ekonomi Madani. Dasar yang digagaskan oleh Kementerian Ekonomi bukan sahaja dapat meningkatkan gaji pekerja malah memacu peningkatan sumbangan pendapatan pekerja kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Pembabitan semua pihak yang merangkumi pihak industri, penggubal dasar termasuk pakar ekonomi dan penyelidik perlu memainkan peranan dalam menghasilkan satu dasar yang komprehensif.

Antara ahli panel seminar anjuran FSSK dan PSSM merupakan juga ahli Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), Prof. Emeritus Tan Sri Anwar Ali, Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Abdul Rashid, Pengerusi Workers Institute of Empowerment Selangor (WISE), Syed Shahir Mohamud dan Penasihat Khas PSSM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdul Rahman Embong Preside PSSM, Prof. Dr. Sity Daud pula bertindak selaku moderator pada seminar ini.



UKM x MPOGCF

20



UKM Jalin Kerjasama MPOGCF

Perkuuh Penyelidikan Konflik Manusia dan Hidupan Liar di Malaysia

Kerjasama yang terjalin di antara Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dengan *Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation* (MPOGCF) melalui pemeteraiyan memorandum perjanjian kerjasama (MoA) bakal memperkuuh penyelidikan konflik manusia dan hidupan liar di Malaysia seterusnya menyediakan pelan tindakan yang mampan untuk pihak berkuasa Malaysia bagi memastikan solusi kewujudan bersama manusia-hidupan liar secara strategik dan holistik.

Melalui kerjasama ini, penyelidik dari kedua-dua organisasi akan menjalankan projek penyelidikan bernilai RM229,000.00 yang bertujuan untuk menyumbang kepada maklumat situasi semasa bagi konflik manusia dan hidupan liar terutamanya di ladang kelapa sawit serta menganalisis cabaran kewujudan bersama manusia-hidupan liar dan mewujudkan kaedah perlادangan mesra hidupan liar dalam meminimumkan konflik manusia-hidupan liar di Malaysia.

MoA yang dimetrai juga dapat membantu dalam memacu solusi terhadap konflik manusia-hidupan liar di Malaysia agar terus kekal relevan dan dinamik di peringkat global, sekaligus membawa perspektif positif terhadap keseimbangan ekosistem pemuliharaan hidupan liar dan mengurangkan risiko serangan hidupan liar terutamanya ke kawasan kelapa sawit yang akan memberi manfaat kepada industri tersebut.





Bintang FSSK

22

BINTANGFSSK

Senarai Bintang FSSK

Australian-Malaysia Virtual PhD Internship
Program 2023



FATIN NADIAH MAHMUD

Pelajar Doktor Falsafah
Program Pengajian Bahasa Inggeris



SHALINI MUNUSAMY

Pelajar Doktor Falsafah
Program Psikologi

NUR DHABITAH SABRI

Olahragawati Majlis Sukan Universiti
Malaysia (MASUM) 2022



INSPEKTOR KS NUR IZZAH ATIRRAH

Pelajar Tahun Akhir
Program Linguistik FSSK

Anugerah Pelatih Terbaik Akademik
pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan
& Penyampaian Sijil Pelantikan Inspektor
Kor-Suksis Universiti Awam ke-19 yang
berlangsung di UNISZA, Terengganu

MUHAMAD NAZEEM MOHD NAZRI, AHMAD HASIF HALIMI & HAISYADATUL HURAIRI

(MENTION)


Pencapaian sebagai finalis (top 3)
di Bandung International Student Film
Festival 2023 bagi kategori filem
dokumentari antarabangsa



ALISA SURAYA MOHD SHARIF

Pelajar Prasiswazah
Tahun 3 Sains Politik

Felo Perdana 2023 kepada
Ketua Setiausaha Negara (KSN)



Hubungi FSSK

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

dfssk@ukm.edu.my
+603 8921 5354 (Pejabat Kedekanan)
+603 8921 4741 (Sekreteriat Prasiswazah)
+603 8921 5144 (Sekreteriat Siswazah)



@ukmfssk @fssktv | @officialfsskukm | @fsskukm